



SYARLIZ TRAVEL GROUP SDN BHD

(1219095-P, KPK/LN 8841)

A07/01 Block A, 1st Floor,

Garden City Business Centre,

Jalan Dagang Besar, Taman Dagang,

68000 Ampang, Selangor

TEL: +603 42880478 / +6013-628 0817

syarliztravelgroup@yahoo.com

BATAM TRIP 4H/3M

BINTAN-TANJUNG PINANG-PULAU PENYENGAT

04 - 07 / 11-14 / 18-21 DECEMBER 2026

A. ATURCARA:

Hari 01: Kuala Lumpur-Johor Bahru-Batam

(L/D)

Berkumpul di KL Sentral pada jam 2345, sebelum bertolak ke Johor Bharu jam 0015. Singgah solat dan sarapan berdekatan terminal. Peserta akan berkumpul di **Terminal Ferry Johor** untuk ke **Batam**. Tiba di **Harbor Bay**, selepas selesai urusan immigration peserta dibawa makan tengahari di restoran tempatan dan solat serta berfoto di **Masjid Sultan Mahmud Riayat Syah**. Kemudian melawat dan bergambar sekitar icon Kota Batam **Jambatan Bareleng**. Sesi bergambar di **Masjid Cheng Ho**. Makan malam di restoran tempatan. Daftar masuk hotel dan acara bebas. Bermalam di **Batam**.



Hari 02: Batam-Bintan-Tanjung Pinang-Pulau Penyengat

(B/L/D)

Selepas sarapan di hotel, photostop di **Masjid Tanjak**. Seterusnya dibawa ke terminal feri Telaga Punggur untuk menaiki feri ke **Tanjung Pinang**. Peserta akan menaiki bot kayu ke **Pulau Penyengat** dan melawat sekitar Kawasan ini. Lawatan diteruskan menziarahi **Makam Engku Hamidah, Raja Haji Ali, Makan Raja Haji Fisabilillah dan Habib Sheikh Bin Alwi Asegaf**. Kemudian dibawa ke Balai Adat (peserta boleh bergambar dengan pakaian adat melayu disini atas pembiayaan sendiri). Makan tengahari di restoran tempatan dan solat di **Masjid Raya Sultan Riau** yang dibina pada 1832, ia menggunakan campuran kapur, tanah liat, dan putih telur sebagai bahan perekat ganti simen moden. Lawatan **Muzium Kota Tanjungpinang Sultan Sulaiman Badrul Alamsyah** dan **Monumen Gonggong**. Lawatan ke **Gurun Pasir** dan **Danau Biru** tempat pelancong yang cantik untuk berfoto. Kembali ke Batam dengan menaiki speedboat. Makan malam dan bermalam di **Batam**.



Hari 03: Batam

(B/L/D)

Selepas sarapan di hotel, peserta dibawa membeli belah makanan kering seperti ikan bilis, keropok dan lain-lain di kedai tempatan. Melawat **Museum Raja Haji Ali dan Masjid Agung Raja Hamidah**. Peserta dibawa ke kawasan papan tanda **WELCOME TO BATAM** untuk sesi foto berlatar belakangkan (**WTB**). Makan tengahari di restoran tempatan. Membeli-belah makanan khas Batam seperti Luti Gendang & kek buah naga di **AnnisaAulia**, kilang kek lapis terkenal, **Tiara Cakery Batam** dan kedai menjual pelbagai jenis fabrik. Selepas itu peserta dibawa ke **DC Mall**, disini terdapat jualan seperti telekung, tudung dan lain-lain. Makan malam di restoran makanan laut dan merasai makanan istimewa *Siput Gonggong* kepakaran dari Batam. Bermalam di **Batam**.



Hari 04: Batam-Johor Bahru-Kuala Lumpur

(B)

Selepas sarapan di hotel, acara bebas sebelum daftar keluar hotel. Peserta dibawa ke **Jeti Harbor Bay** untuk mengambil feri ke Johor dan meneruskan perjalanan pulang Kuala Lumpur. Tiba di Kuala Lumpur Bersama kenangan manis di **Batam**, Indonesia.

B. TARIKH PELEPASAN

- 04 – 07 DECEMBER 2026
- 11 – 14 DECEMBER 2026
- 18 – 21 DECEMBER 2026

C. HARGA

DARI KUALA LUMPUR

RM1,449.00 (DEWASA TWIN SHARING)

DARI JOHOR BAHRU

RM1,379 (DEWASA TWIN SHARING)

Harga Termasuk:

- Pengangkutan bas Kuala Lumpur-Johor Bahru-Kuala Lumpur
- Tiket feri ke Batam pergi dan balik
- Penginapan di hotel bertaraf 3 bintang
- Makanan seperti di dalam aturcara
- Pengangkutan seperti dalam aturcara dan bayaran masuk
- Tour leader dari Malaysia
- Tipping

Harga Tidak Termasuk:

- Insuran perjalanan peribadi
- Aktiviti pilihan

D. DEPOSIT DAN PEMBATALAN PAKEJ:

1. **Deposit = RM500.00 seorang**
2. Tempahan sah bila bayaran deposit sebanyak RM500.00 seorang telah diterima oleh **SYARLIZ TRAVEL GROUP**.
NON-REFUNDABLE DEPOSIT – RM500.00 SEORANG
3. Bayaran penuh perlu dijelaskan **60 hari sebelum tarikh penerbangan**.
Sekiranya bayaran penuh tidak diterima 60 hari sebelum tarikh penerbangan, **SYARLIZ TRAVEL GROUP** berhak untuk membatalkan tempahan.
4. Deposit RM500.00 tidak dikembalikan sekiranya peserta membatalkan penyertaan.

Untuk tempahan, bayaran **DEPOSIT** boleh dibuat secara tunai atau online transfer:

MAYBANK
564548147305
SYARLIZ TRAVEL GROUP SDN BHD

E. NOTA PENTING:

1. Harga, tarikh, aturcara dan jenis pengangkutan/penerbangan tertakluk kepada perubahan semasa, dengan atau tanpa notis terlebih dahulu.
2. Harga pakej yang ditawarkan berkemungkinan akan berubah semasa membuat bayaran penuh 60 hari sebelum tarikh penerbangan bergantung kepada nilai tukaran matawang asing semasa.
3. Semua jenis pengangkutan dan jenis hotel tertakluk kepada perubahan sehingga pengesahan dibuat.
4. Harga pakej seorang dewasa berdasarkan bilik twin sharing. Bilik untuk kanak-kanak mestilah ada 2 orang dewasa dalam bilik yang sama. Sekiranya 1 orang dewasa sahaja, kanak-kanak tersebut mesti mengikut harga pakej dewasa.
5. Optional tour/activity **TIDAK** termasuk di dalam pakej dan ditanggung oleh pelanggan sendiri.
6. Harga ini berdasarkan bilangan peserta 20 orang.